

Sinar BESTARI

GERBANG ASPIRASI GENERASI MAHIR

MSU disenaraikan
antara universiti
terbaik dunia

m22



Untuk
membaca
artikel-artikel lain
yang menarik,
imbas kod QR ini.



msu
management &
science university



KERJAYA
MINGGU
INI

DUNIA KEJURUTERAAN SENGGARA 'BURUNG BESI'

Jurusan melibatkan penyenggaraan pesawat dilihat semakin menjadi pilihan pelajar bagi menyambung pelajaran, memandangkan kini industri penerbangan terus berkembang, lebih-lebih lagi selepas negara mengalami pandemik Covid-19.

Bukan sahaja menjamin kerjaya masa depan, malah bidang ini turut menawarkan gaji lumayan menjadikan ia salah satu daya penarik buat pelajar untuk mengikuti program berkenaan.

Tertarik untuk mengetengahkan jurusan ini khususnya sebagai panduan buat pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah, Sinar Bestari kupaskan mengenai Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat.

Ingin ketahui lebih lanjut,
jom kita lihat!

Belum tamat belajar, sudah ditawarkan kerja



Pelajar Politeknik Banting, Selangor didedahkan dengan peralatan sebenar dalam kelas.

Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat cabang kerjaya ideal masa kini



Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

Sebagai satu-satunya institusi yang menawarkan Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat, Politeknik Banting Selangor (PBS) sentiasa memastikan setiap graduan jurusan itu bersedia dengan kemahiran dan teori sebelum memasuki alam pekerjaan.

Pengarah PBS, Ts Ibrahim Burhan

berkata, politeknik itu menawarkan pelbagai kemudahan praktikal atau peralatan sebagai pendedahan buat pelajar yang bukan sekadar teori tetapi secara hands-on.

Ibrahim menjelaskan, kolaborasi bersama pihak Industri juga salah satu usaha menyediakan kemudahan penempatan pekerjaan buat pelajar jurusan penyenggaraan pesawat terutama ketika mereka menjalani latihan Industri sepanjang tempoh semester terakhir pengajian.

"Pelajar ini tidak hanya belajar teori tetapi menimba ilmu dari sudut kemahiran,

menjadikan mereka sentiasa dinantikan oleh pihak Industri.

"Sepanjang tempoh latihan Industri, pelajar PBS mendapat pengalaman kerja yang sebenar.

"Ini memudahkan mereka mendapat pekerjaan setelah menamatkan pengajian selama tiga tahun," katanya kepada Sinar Bestari.

Ditanya mengenai kemasukan pelajar dalam kursus itu, Ibrahim berkata, ia semakin mendapat permintaan terutamanya selepas beransurnya pandemik Covid-19.

Katanya, selepas negara beransur pulih daripada pandemik itu dan Industri penerbangan juga dilihat semakin berkembang maju, program penyenggaraan pesawat mendapat perhatian para pelajar.

"Alhamdulillah, kita mendapat sambutan menggalakkan daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Industri penerbangan juga sentiasa menerima kehadiran graduan program ini kerana kebolehpasaran mereka tinggi. "Paling membanggakan, ada pelajar yang belum pun graduasi sudah ditawarkan pekerjaan," ujarnya.

Ibrahim mengalu-alukan pelajar lepasan SPM yang berminat mengikuti program ini kerana ia laluan mudah untuk bergelar jurutera selenggara 'burung besi'.



IBRAHIM

Reaksi



Saya tidak menafikan bahawa persepsi masyarakat mengenai kursus ini tidak sesuai untuk perempuan tetapi ketahuilah bidang

penyenggaraan pesawat sangat luas. Di mana terdapat sesetengah bahagian yang memperlihatkan perempuan lebih cemerlang. Jadi secara keseluruhannya, tiada masalah untuk pelajar perempuan mengikuti kursus berkenaan kerana kita sendiri sudah melihat ramai dalam kalangan wanita berjaya sehingga ada yang sudah terbang ke luar negara." - Pensyarah

Jabatan Penyenggaraan Pesawat PBS, Shazana Mustapa



Pembelajaran di Politeknik Banting,

Selangor ini amat kondusif, bukan sahaja dari aspek penyediaan asrama, malah mempunyai

hangar (bangunan menyimpan dan menyelenggara kapal terbang) bagi kemudahan pembelajaran pelajar. Yuran yang dikenakan juga sangat berpatutan, hanya RM200 bagi satu semester manakala bayaran RM630 untuk perkhidmatan asrama. Ini menunjukkan kos yang diperlukan untuk belajar di politeknik murah berbanding institusi pengajian lain." - Pemangku Ketua

Jabatan, Jabatan Penyenggaraan Pesawat PBS, Azlizzul Suli

Tidak membezakan pelajar lelaki mahupun perempuan

DIPLOMA Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat di Politeknik Banting Selangor (PBS) membuka peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti pengajian itu selama tiga tahun tanpa mengira jantina.

Ketua Program, Mohammad Azmin Zainal mengesahkan walaupun jurusan itu dilihat kasar pada mata sesetengah orang menjadikan majoriti pelajarannya adalah lelaki, namun kemasukan pelajar perempuan juga masih ada setiap tahun.

Ini menjadikan lepasan pelajar perempuan jurusan itu mendapat permintaan tinggi oleh pihak industri dek persaingan yang kurang berbanding lelaki.

"Dalam kursus penyenggaraan

pesawat ini, mereka bukan hanya belajar membaiki atau menyelenggara pesawat.

"Kursus ini juga ada bahagian dokumentasi dan selalunya, pelajar perempuan lebih ke arah tersebut," katanya.

Mohammad Azmin berkata lagi, syarat kemasukan bagi program itu hanya memerlukan minimum lima kredit mata pelajaran, selain calon pelajar tidak boleh rabun warna dan sihat tubuh badan.

"Minimum lima kredit ini adalah Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Fizik atau Sains dan mana-mana lagi subjek lain.

"Walaupun nama program ini Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat tetapi ia tidaklah ketat sehingga mewajibkan pelajar mengambil dan lulus subjek Matematik Tambahan atau

Kejuruteraan.

"Nanti mereka juga akan belajar subjek kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Matematik di sini," ujarnya.

Mohammad Azmin memberitahu, pelajar turut didedahkan dengan kursus lain seperti reka bentuk, keusahawanan dan subjek kokurikulum bagi melahirkan pelajar yang holistik dari aspek kognitif, psikomotor serta sikap.

"Kita hendak melahirkan pelajar yang tinggi kemahirannya agar mereka dapat bersedia sebelum menjejakkan kaki ke alam pekerjaan.

"Sektiranya berminat untuk mengikuti program ini, janganlah risau kerana pensyarah di PBS akan membantu dan beri tunjuk ajar asalkan pelajar berkenaan benar-benar berazam menimba ilmu dan rajin," katanya lagi.



MOHAMMAD AZMIN

REDAKSI

Editor Eksekutif Lilostyle: Meen Tahrin. Editor Eksekutif Sinar Bestari: Nurbaya Abdul Razak. Wartawan: Roshawaty Md Raleh dan Azleenda Sahaludin. Peraka Grafik: Asfali Kasim dan Hazmi Nazhar. e-mel: sinarbestari@sinarharian.com.my

4 kisah pelajar penyenggaraan pesawat



Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

Jurusan Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat semakin mendapat tempat di hati para pelajar untuk menyambung pengajian lebih-lebih lagi apabila Industri penerbangan berkembang maju selepas negara mengalami pandemik Covid-19.

Bukan sahaja menawarkan pekerjaan dengan gaji lumayan, ia juga membuka peluang pelajar menceburi pelbagai bidang melibatkan penyenggaraan pesawat.

Mari kita ikuti perkongsian empat pelajar Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat dari Politeknik Banting Selangor (PBS).



CERITA 1

WALAUPUN peringkat awal mengikuti Jurusan penyenggaraan pesawat kerana menunaikan permintaan Allahyarham ayah, namun siapa sangka anak kelahiran Ampang, Selangor ini membuktikan kebolehannya apatah lagi mampu mengekalkan prestasi 4 rata setiap semester.

Pelajar semester lima, **Nor Muhammad Muzhaffar Shah, 24**, berkata, minatnya lebih cenderung dalam bidang undang-undang dan sudah pun menerima tawaran kemasukan jurusan itu, namun meneruskan permintaan Allahyarham.

Kongsi anak muda ini, awal pembelajaran agak mencabar bagi dirinya, namun lama-kelamaan semakin beradaptasi dan mula jelas dengan misi menetapkan kerjaya masa depan.

"Apabila sudah mendalami

Jurusan penyenggaraan pesawat ini, ia tidaklah sukar seperti yang disangka.

"Alhamdulillah saya dapat mengekalkan prestasi saya dari semester satu hingga lima dengan meraih 4 rata dan sekarang, Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) saya adalah 3.98," katanya.

Tidak hanya cemerlang dalam pembelajaran, Muzhaffar juga aktif dalam persatuan pelajar.

Dia kini memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar selain ahli debat PBS.

Dia juga pernah memenangi pingat emas dan perak dalam pertandingan Inovasi, selain aktif menyertai program kolaborasi bersama Indonesia, baru-baru ini.

"Kehidupan sebagai seorang pelajar memang akan sibuk tetapi seronok jika pandai membahagikan masa," ujarnya.



CERITA 2

OLEH kerana sejak kecil sudah melihat kapal terbang yang ada di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), ia sekaligus menyuntik minat **Edwin Ng Ser Yee** memilih pengajian dalam penyenggaraan pesawat.

Edwin, 20, berkata, keputusan itu mendapat sokongan Ibu bapa apatah lagi keluarganya mempunyai latar belakang dalam pekerjaan mekanik menjadikan dia lebih gemar pembelajaran secara praktikal.

"Pembelajaran secara teori membantu kita faham serba sedikit tentang sesuatu ilmu tetapi praktikal membuatkan pelajar lebih mudah faham

dan senang untuk ingat.

"Di PBS, bukan sahaja teori diterapkan tetapi praktikal juga menjadi salah satu kaedah pembelajaran yang membantu saya dan rakan-rakan lebih mudah mendalami kursus ini," katanya.

Edwin yang kini berada di semester lima berkata,

perancangannya untuk mengambil lesen *Aircraft Maintenance Engineer* (CAT B) selepas tamat diploma kelak.

Anak muda itu turut mengingatkan untuk mempunyai minat sebelum menyambung sesuatu bidang pengajian agar proses pembelajarannya dapat dinikmati.



CERITA 3

SUDAH mempunyai serba sedikit pengetahuan dalam bidang penyenggaraan pesawat, menjadikan **Thanus Mogan** memilih mengikuti Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu memberitahu, mendapat sokongan keluarga yang mana salah seorang daripadanya terlibat dalam pekerjaan bidang tersebut.

"Bagi mendalami ilmu penyenggaraan pesawat ini, benar sekali ada bahagian sukar dan mencabar untuk difahami tetapi saya menikmati proses berkenaan.

"Sekiranya sukar, saya akan buat kajian melalui

pembacaan buku dan sebelum memasuki kursus ini, saya sudah mengkaji sedikit sebanyak tentang penyenggaraan pesawat.

"Boleh dikatakan, pengetahuan am saya tentang penyenggaraan pesawat semakin bagus apabila mengikuti kursus di PBS," ujarnya.

Thanush, 20, juga aktif dengan aktiviti dan persatuan kampus menjadikan dia perlu bijak dalam membahagikan masa antara kedua-duanya.

Dia turut mengingatkan agar meraih sekurang-kurangnya kredit subjek Matematik dan Fizik jika pelajar lepasan SPM berminat dengan jurusan penyenggaraan pesawat.



CERITA 4

WANITA juga mampu menceburi bidang yang dahulunya dimonopoli oleh golongan lelaki menjadikan **Cinta Zainuri** memilih menyambung jurusan penyenggaraan pesawat.

Biarpun berperwatakan lembut dan ayu, namun siapa sangka Cinta, 20, mampu berdiri sama tinggi dengan golongan lelaki meski pun perlu berdepan pelbagai cabaran.

Kata pelajar semester lima itu, cabaran utama yang perlu ditempuh adalah tugas secara praktikal.

"Perempuan selalu dilihat feminin tetapi semuanya perlu diketepikan kerana bidang ini tiada perbezaan antara jantina. Semuanya perlu laksanakan tugas yang sama.

"Cuma mungkin ada sesetengah tugas yang tidak mampu dilakukan oleh wanita tetapi jangan risau, di

sini akan ada konsep saling bantu-membantu antara semua pelajar dan pensyarah," katanya.

Anak kelahiran Klang, Selangor ini turut aktif dalam aktiviti kampus dan merupakan atlet petanque bagi Kejujutan Sukan Selangor.

"Sebagai ahli MPP dan atlet petanque, waktu petang akan dihabiskan dengan sesi latihan.

"Waktu malam adalah masa untuk saya mengulang kaji atau menyiapkan tugas. Ia tidak mengganggu proses

pembelajaran jika kita tahu membahagi masa," ujarnya.

Buat mereka yang berminat menyambung jurusan ini, Cinta meminta agar bersedia mental dan fizikal, selain meraih keputusan cemerlang dalam subjek Fizik serta Matematik.

